

## **Pakaian Dalam Al-Qur'an dan Kaitannya dengan Fesyen Masa Kini: Satu Sorotan Literatur**

***Muhammad Shukri Amin Maarif<sup>1</sup>, Hamdi Ishak<sup>2</sup> & Ahmad Fakhurrrazi  
Mohammed Zabidi<sup>3</sup>***

*Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM*

*shuk\_amin93@yahoo.com<sup>1</sup>, hamdi@ukm.edu.my<sup>2</sup> & izzar@ukm.edu.my<sup>3</sup>*

### **ABSTRAK**

Isu pakaian dan fesyen dalam Islam sentiasa menjadi perhatian masyarakat dan media sosial. Pada tahun 2006, industri fesyen telah menyumbang kepada RM9.9 Bilion daripada keseluruhan eksport pembuatan khususnya di Malaysia. Dengan perkembangan ini, adakah fesyen muslim begitu komited dan berkomitmen dengan asas penutupan aurat seperti dalam solat atau sekadar ikutan semata. Kajian literatur ini bertujuan menganalisis tafsir tematik “pakaian” yang disebut dalam al-Qur’an melalui pelbagai kata dan makna. Kepelbagaian kata “pakaian” dalam al-Qur’an merupakan satu justifikasi mengapa fesyen hari ini berwarna-warni dan Allah telah mengurniakan pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan supaya manusia mengambil manfaat. Hasil kajian mendapati bahawa aspek fesyen muslim sewajarnya mengikut lima perkara iaitu menutup seluruh badan, tidak mencolok mata, menitikberatkan tentang struktur kain, tidak bersifat tasyabbuh, dan tidak ada unsur sombong. Ciri-ciri tersebut berupaya memberi penjelasan kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga aurat dan fesyen supaya selari dengan ajaran Islam. Kajian ini memfokuskan hasilnya kepada para pereka fesyen, pengusaha butik dan pembeli supaya sedar tentang kepentingan memilih pakaian yang indah dan baik sepertimana disebut dalam kitab suci al-Qur’an.

Kata kunci: Tafsir Mawdu’I, Pakaian, Muslimah, Fesyen, Al-Qur’an

### **ABSTRACT**

The issue of clothing and fashion in Islam has always been attentive to society and social media. In 2006, the fashion industry contributed RM9.9 Billion of total manufacturing exports, particularly in Malaysia. However, with this development, is Muslim fashion so committed and commitment to the basics of aurat closure as in prayer or just being a mere to fashion trend. This study is intended to analyze the thematic interpretations of "clothing" mentioned in the Qur'an through various words and meanings. The various words “clothing” in Qur’an is one of the justifications why fashion today is colourful and Allah gave plants and animals for humans to take benefit on it. The findings show that the Muslim fashion aspect is in line with five things that cover the whole body, not striking eyes, weighting the fabric structure, not tasyabbuh, and no arrogant elements. These features are able to explain to the public the importance of safeguarding the aurat and fashion to be in line with the teachings of Islam. This study also focuses on the outcome of fashion designers, boutique entrepreneurs and buyers to be aware of importance of choosing a beautiful outfit as mentoned in the Qur’an.

Keywords: Tafsir Mawdu’I, Clothing, Muslimah, Fashion, Al-Qur’an

### **PENGENALAN**

Menutup aurat merupakan satu kewajipan yang telah diterapkan dalam Islam. Aurat dalam berpakaian didefinisikan sebagai kawasan anggota yang perlu di jaga dan di tutup oleh setiap orang Islam. Fesyen dalam Islam sewajarnya selari dengan tuntutan menutup aurat serta bersesuaian dengan

keadaan dan tempat. Islam tidak melarang umatnya untuk berfesyen kerana ia adalah fitrah setiap insan bahkan melalui fesyen itu dapat menggambarkan tentang peribadi seseorang.

Al-Qur'an merupakan kitab suci agama Islam yang diturunkan kepada umat manusia sepanjang zaman. Segala aspek kehidupan dinyatakan didalamnya termasuk perihal pakaian, aurat serta kehormatan yang perlu dijaga oleh manusia supaya tidak melampaui batas. Dalam al-Qur'an terdapat 7 perkataan yang difokuskan kepada makna pakaian iaitu libās, thiyāb, sarābīl, khimār, kiswah, qamiṣ dan jilbāb. Namun tidak semua mengaitkan aspek pakaian dan fesyen kerana terdapat maksud-maksud yang berbeza terhadap ayat-ayat yang diturunkan tersebut.

Malaysia International Trade And Industry Report (MITI) (2011) fesyen adalah suatu suasana, gaya hidup yang begitu hampir dengan individu dan masyarakat. Saban hari keluarnya pelbagai produk fesyen yang meliputi pelbagai jenama, rupa bentuk, koleksi dan daripada pelbagai aspek inilah munculnya permasalahan dalam etika berpakaian terutama kepada masyarakat Islam.

Ahmad Mustami (2015) pakaian pada waktu ini tidak hanya sekadar menutup aurat, bahkan sebagai fashion style yang menjadi lumrah untuk menampilkan personaliti dan kredibiliti individu. Penginovasian yang berlaku dalam fesyen Islam haruslah menjaga norma, etika dan moral agama supaya sesuai dengan nilai-nilai pendidikan Islam.

## **TAFSIR MAWDHU'I : PAKAIAN DALAM AL-QUR'AN**

### **Libās**

Libās merupakan kosa kata bahasa Arab yang tunggal dengan membawa erti pakaian. Alvi Alvavi (2005) menyatakan dalam Lisān al-Arab terdapat beberapa perkataan yang menggambarkan libās iaitu memakai, mencampur, menenangkan dan sebagainya. Di dalam al-Qur'an terdapat 23 ayat yang menyebut perkataan libās dan pengkaji meletakkan limitasi bagi ayat yang menggambarkan maksud pakaian sebanyak 10 ayat, iaitu i) Al-A'rāf 7: 26, ii) Al-A'rāf 7: 27, iii) An-Nahl 16: 14, iv) Al-Anbiya' 21:80, v) Al-Furqan 25:47, vi) Al-Fathir 35:12, vii) Al-Fathir 35:33, viii) Al-Hajj 22:23, ix) Al-Kahfi 18:31, dan x) Ad-Dukhaan 44:53.

### **Thiyāb**

Ibrahim, Muhammad Isma'il (t:th) thiyāb disebut di dalam al-Qur'an sebanyak 29 kali tetapi mencakupi pelbagai makna dan lafaz. Antaranya adalah (ثابت) (ثواب) yang membawa erti pahala atau balasan, teguh dan tempat tumpuan. Thiyāb merupakan bentuk jamak dari perkataan (ثوب) yang bererti sesuatu yang dipakai. Alvi Alvavi (2005) menurut ulama' idea dasarnya adalah jenis atau material pakaian untuk dipakai sama ada yang terbuat dari benang yang dipintal menjadi kain atau kapas, bulu dan lain-lain. Namun, thiyāb sepertimana yang ingin dijelaskan dalam konteks pakaian hanyalah mempunyai 8 ayat yang berkaitan iaitu i) Al-Kahfi 18:31, ii) Al-Hajj 22:19, iii) Al-Insan 76:21, iv) Al-Muddathir 74:4, v) An-Nur 24:58, vi) An-Nur 24:60, vii) Hudd 11:5, dan viii) Nuh 71:7.

### **Sarābīl**

Mustafa Ibrahim (1960) dalam Mu'jam al-Wasiṭ menyatakan sarābīl merupakan jamak dari kata sirbāl yang berasal dari kata kerja sarbala. Kata sirbāl membawa erti baju, baju besi dan ada yang menyatakan segala sesuatu yang dipakai disebut sirbāl. Di dalam al-Qur'an sememangnya terdapat 2 ayat yang menyentuh mengenai sarābīl iaitu i) An-Nahl 16:81 dan ii) Ibrahim 14:50.

### **Khimār**

Mustafa Ibrahim (1960) perkataan khimār mempunyai dua maksud di dalam al-Qur'an iaitu arak dan belahan leher. Terdapat tujuh ayat yang menyebut khimār namun satu sahaja yang menerangkan mengenai aspek pakaian. Dalam Mu'jam al-Wasiṭ (خمار) merupakan kata tunggal kepada perkataan (خمر)(خمر)(أخمره) yang membawa erti setiap apa yang dilindung atau ditutup termasuklah daripadanya melindungi wanita. Pakaian yang menutupi bahagian kepala seperti serban. Begitulah juga maknanya bagi wanita iaitu tudung yang mampu menutup kepala dan sebahagian yang diwajibkan oleh Allah s.w.t. Dalam al-Qur'an hanya terdapat satu sahaja makna yang menunjukkan pakaian iaitu surah An-Nur 24:31.

### **Kiswah**

Mustafa Ibrahim (1960) kiswah disebut di dalam al-Qur'an sebanyak lima kali, dan kiswah turut mempunyai makna yang lain dari pakaian iaitu menyaluti. Dalam Mu'jam al-Wasiṭ kiswah secara umumnya bermaksud pakaian yang tertutup, berasal dari perkataan (كسا) (كسى) (اكتسى) pakaian seseorang atau memberikan seseorang pakaian. Dua ayat yang menyebut mengenai kiswah adalah pada surah i) An-Nisa' 4:5 dan ii) Al-Maidah 5:89.

### **Qamiṣ**

Mustafa Ibrahim (1960) dalam Mu'jam al-Wasiṭ menjelaskan qamiṣ membawa erti jaket, jubah, pelindung hati, dan pakaian kemas. (القميص) merupakan kata tunggal daripada (أقمصة). Di dalam al-Qur'an perkataan qamiṣ hanya disebut dalam surah Yusuf sebanyak enam kali dalam enam ayat iaitu i) Yusuf 12:18, ii) Yusuf 12:25, iii) Yusuf 12:26, iv) Yusuf 12:27, v) Yusuf 12:28, dan vi) Yusuf 12:93.

### **Jilbab**

Mustafa Ibrahim (1960) jilbab mempunyai dua sebutannya dalam al-Qur'an iaitu melalui surah al-Isra' ayat 64 (أجلب) yang membawa maksud kerah, manakala dalam surah al-Ahzab ayat 59 kalimahnyanya adalah (جلبين) yang bermaksud menutup seluruh tubuh. Dalam Mu'jam al-Wasiṭ jilbab beerti baju (القميص) atau pakaian yang sempurna keatas tubuh sepenuhnya, atau disebut juga sebagai (الخمار) sesuatu yang dipakai diatas baju seperti tudung, atau kesopanan yang sempurna buat wanita.

## **HURAIAN PARA MUFASSIR TERHADAP AYAT BERKAITAN PAKAIAN**

### **Libās**

Al-Ṭabarī (2007) menyatakan bahawa Allah s.w.t berfirman kepada orang-orang Arab yang melakukan tawaf di Baitullah dengan keadaan telanjang kerana mengikut perintah syaitan dan tidak taat kepada perintah Allah s.w.t. Maksud lafaz “menurunkan kepadamu pakaian” adalah Allah s.w.t menciptakan pakaian untuk menutup aurat. Mengenai lafaz “pakaian takwa” al-Ṭabarī menyatakan adalah menghadirkan takwa kepada Allah s.w.t dalam diri saat meninggalkan kemaksiatan yang dilarang oleh Allah dan mengamalkan ketaatan yang diperintahkan oleh-Nya. Dalam ayat yang lain al-Ṭabarī turut memberi penjelasan bahawa libās merujuk kepada kisah Nabi Adam dan Hawa' ketika syaitan telah menggoda mereka dalam syurga sehingga terlucutnya pakaian, namun pada itu takwilan paling kuat bagi al-Ṭabarī adalah ianya sebuah peringatan sesungguhnya syaitan akan menggoda manusia sepertimana godaan Nabi Adam dan Hawa' dalam aspek berpakaian.

Al-Qurtubī (2007) membahaskan libās berdasarkan empat perkara iaitu pertama, majoriti ulama menyatakan bahawa libās adalah dalil atas perintah wajib menutup aurat. Kedua, Allah s.w.t menurunkan air hujan supaya dengannya tumbuh pohon kapas dan linen. Dengan air hujan

tersebut haiwan-haiwan dapat hidup dengan sihat di samping mampu menghasilkan kain wol serta baldi. Ketiga, pakaian adalah suatu yang mampu menutupi badan manusia atau sebahagian lain mengatakan ia adalah kesuburan dan kesejahteraan hidup. Keempat, pakaian yang berupa takwa itu membawa erti pakaian yang lebih dekat pada sifat tawadhu' dan meninggalkan kemewahan dunia. Kemudian, dalam ayat-ayat yang lain, Al-Qurtubī turut memperjelaskan terdapat makna-makna yang merujuk kepada perhiasan laut terdiri daripada mutiara dan permata. Allah s.w.t telah mengurniakan perhiasan kepada manusia namun segala perhiasan itu dihalaikan kecuali emas dan sutera buat lelaki. Melalui makna yang lain libās adalah semua jenis senjata dari besi yang kemudiannya digunakan untuk melindungi dalam peperangan seperti tombak, baju besi, pedang dan senjata.

Ibn Kathir (2004) mentafsirkan ayat ini iaitu Allah s.w.t menciptakan pakaian dan perhiasan sebagai satu tanda kemurahan-Nya. Pakaian merupakan sesuatu yang bersifat primer sedangkan perhiasan hanya sebagai pelengkap dan tambahan. Umar bin al-Khattab berkata: "Rasulullah s.a.w bersabda:

مَنْ اسْتَجَدَّ نَوْبًا فَلَيْسَهُ ، فَقَالَ حِينَ يَبْلُغُ تَرْفُوتَهُ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَسَانِي مَا أُوَارِي بِهِ عَوْرَتِي ، وَأَتَجَمَّلُ بِهِ فِي حَيَاتِي ، ثُمَّ عَمَدَ إِلَى النَّوْبِ الَّذِي أَخْلَقَ ، أَوْ قَالَ : أَلْقَى ، فَتَصَدَّقَ بِهِ ، كَانَ فِي ذِمَّةِ اللَّهِ تَعَالَى ، وَفِي جِوَارِ اللَّهِ ، وَفِي كَنْفِ اللَّهِ حَيًّا وَمَيِّتًا ، حَيًّا وَمَيِّتًا ، حَيًّا وَمَيِّتًا

(Tirmidzi , r:th : No Hadith 3512)

*Maksudnya: Barang siapa mendapatkan baju baru, lalu dipakainya serta berdoa ketika sampai ke tulang selangkanya: 'Segala puji bagi Allah yang memberiku pakaian untuk menutup auratku dan berhias dalam hidupku.' Kemudian mengambil pakaian yang lapuk lalu disedekahkan maka dia berada dalam perlindungan, jaminan dan pemeliharaan Allah s.w.t, baik ketika ia hidup mahupun setelah mati.*

Secara jelas para mufassir telah bersepakat sepuluh ayat berkenaan kalimah libās mencakupi dasar utama dalam berpakaian iaitu menutup aurat. Allah telah mengurniakan pelbagai kemudahan kepada manusia untuk mengambil manfaat dalam pembuatan pakaian. Namun, pakaian bukan sahaja ganjaran buat manusia, malah ia merupakan ujian bagaimana individu muslim mampu menginterpretasi pakaian serta fesyen terkini mengikut kehendak syara'. Pakaian bukanlah terletak pada harga dan nilainya tetapi sifat takwa dan tawadhu' yang perlu dititipkan kerana ia adalah kurniaan besar Allah s.w.t telah turunkan pada manusia untuk melindungi maruah dan memudahkan urusan ibadah seharian.

### **Thiyāb**

Al-Ṭabarī (2007) menyebut thiyāb dalam konteks pakaian bagi penghuni neraka dan golongan kafir diakhirat kelak. Begitu juga dengan riwayat-riwayat dari Abi Hatim, al-Qurtubī dan Ibn al-Jauzi yang disebut dalam tafsir al-Ṭabarī bahawa pakaian bagi golongan kafir di neraka adalah pakaian dari timah kerana sifat pada timah itu mudah mencair dan membakar kulit pada badan. Menerusi surah An-Nur (24:60) wanita-wanita tua yang sudah berhenti dari melahirkan, sehingga tidak menginginkan untuk bernikah lagi adalah tiada dosa bagi mereka untuk menanggalkan pakaian iaitu tudung mereka (bahagian atas tudung dan pakaian luar). Tidak ada dosa untuk melepaskan semua itu dihadapan lelaki-lelaki baik mahramnya mahupun bukan tetapi dengan syarat tanpa berhias dan berdandan. Namun al-Ṭabarī menambah jika mereka ingin tetap menjaga kesucian dari melepaskan tudung dan pakaian luar maka itu adalah lebih baik.

Al-Qurtubī (2007) dalam surah al-Kahfi (18:31) kalimah thiyāb merujuk kepada pakaian sutera yang terdiri daripada jenis tebal dan nipis bagi penghuni syurga yang memakainya. Al-Kisa'I berkata al-Sundus merupakan sutera yang nipis dan al-Istabrak merupakan sutera tebal. Warna

hijau disebutkan secara khusus kerana nyaman dilihat oleh penglihatan. Melalui surah Hud (11:5) ayat ini diturunkan kepada golongan munafik terhadap Rasulullah s.a.w yang memalingkan diri kepada ajaran Baginda. Thiyāb yang disebut dalam ayat ini berupa pakaian golongan munafik gunakan menutup kepala ketika berpaling dari dakwah yang disampaikan oleh Nabi s.a.w.

Pentafsiran Ibn Kathir (2004) dalam surah al-Muddathir (74:4) “Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan” meletakkan hujah kalimah pakaian dengan variasi makna iaitu i) amal perbuatan, ii) hati, iii) jiwa, iv) Jasmani, v) Isteri, vi) akhlak, vii) agama, dan viii) pakaian (makna yang zahir). Adapun ulama’ secara jumbuhnya memakai ayat ini dengan makna zahir iaitu membersihkan pakaian dalam empat takwilan iaitu menyucikan pakaian, menjaga pakaian dari najis, tidak melabuhkan pakaian sehingga ke tanah dan mengenakan pakaian dari sumber yang halal. Nabi Muhammad s.a.w telah menetapkan bahawa batasan pakaian itu adalah mata kaki, dan beliau mengancam orang-orang yang mengenakan pakaian hingga bawah buku lali akan dimasukkan dalam neraka. Ini adalah suatu perbuatan tercela, sombong bahkan dengan berbuat seperti itu mereka telah berbuat maksiat kerana membiarkan pakaian mereka disentuh oleh najis yang tidak disedarinya dan membiarkan diri dimurkai oleh Allah s.w.t. Membersihkan pakaian dan mensucikannya dari segala najis ini adalah makna yang paling nyata. Al-Mahdawi menambahkan, makna inilah yang digunakan oleh beberapa ulama untuk mewajibkan hukum membersihkan pakaian.

Surah An-Nur (24:58) Ibn Kathir menyatakan ayat ini Allah memerintahkan kepada orang-orang yang beriman agar para hamba sahaya yang mereka miliki dan anak-anak kecil yang belum baligh dari kerabat mereka hendaklah meminta keizinan untuk memasuki bilik pada tiga waktu. Pertama, sebelum subuh di mana ketika itu manusia masih tidur. Kedua, ketika mereka menanggalkan pakaian luar di waktu tengah hari, tepatnya pada waktu itu manusia berehat dan menukar pakaian serta kemungkinan didampingi oleh pasangan. Ketiga, setelah solat Isya’ kerana pada waktu ini digunakan untuk tidur. Maka pembantu rumah dan anak-anak kecil diperintahkan agar jangan mengganggu atau masuk tanpa izin ke ruangan pemilik rumah pada tiga waktu tersebut.

Al-Qur’an dan para mufassir telah memberi penjelasan bahawa lapan ayat dalam kalimah thiyāb meliputi pakaian dalam syurga, pakaian dalam neraka, pakaian bersih, aurat dalam tiga waktu larangan, perhiasan serta golongan yang ingkar pada ajaran Nabi Nuh. Pakaian dan fesyen muslim kontemporari seharusnya mengikut fundamental ini terutamanya dalam aspek penjagaan diri. Pakaian boleh mendorong kepada kebaikan dan keburukan. Oleh itu, sebagai umat Islam haruslah berwaspada terhadap lambakan pelbagai fesyen moden serta harus bijak memilih pakaian yang suci dan halal supaya selari dengan segala perintah yang telah dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur’an.

### **Sarābīl**

Al-Tabarī (2007) menerusi surah an-Nahl (16:81) sarābīl adalah mengenai nikmat yang Allah s.w.t bagi kepada manusia untuk memelihara tubuh badan dari kepanasan melalui penciptaan kapas, kain linen dan wol (bulu). Begitu juga kesepakatan para ulama dalam mentafsir pakaian yang mampu memelihara dalam peperangan iaitu baju besi. Ia mampu melindungi dari tertembusnya senjata dan selamat dari luka-luka akibat senjata dalam peperangan. Al-Qurtubī (2007) menyebut bahawa suatu kaum penghuni gunung yang terkena panas dikurniakan nikmat khusus bagi mereka melalui bulu atau wool dan lain-lain oleh Allah s.w.t bagi melindungi mereka dari keadaan terik panas. Berkenan baju besi ia merupakan dalil bahawa Allah s.w.t memberi pengetahuan kepada hamba-Nya dalam persiapan jihad dan peperangan. Ibn Kathir (2004) dalam tafsirannya pula

menyebut bahawa nikmat Allah s.w.t bagi kepada mereka yang beriman adalah dari kulit dan bulu binatang yang boleh dijadikan sebagai pakaian, karpet dan lain-lain sehingga mampu dijadikan sebagai sumber kekayaan dan barang dagangan. Ibn Kathir turut memberi tafsiran sepertimana al-Qurtubī dan al-Ṭabarī iaitu pakaian yang melindungi panas adalah terdiri daripada kapas dan bulu, manakala baju yang mampu memelihara dalam peperangan adalah baju besi, perisai dan lain-lain.

Kemudian dalam tafsiran surah Ibrahim (14:50) pakaian dalam ayat tersebut terdapat beberapa takwilan iaitu belangkin unta, pakaian daripada timah dan pakaian daripada bahan lebur dan memuncak panasnya. Ayat ini merupakan balasan atas kekufuran manusia di dunia. Allah akan membalas orang yang berbuat baik dengan kebaikan, dan orang yang berbuat buruk dengan keburukan. Demikian pendapat ulama', hal ini lebih mudah untuk dinyalakan api. Dalam Hadith shahih dinyatakan bahawa perempuan yang meratapi mayat, jika tidak sempat taubat sebelum ajalnya maka dia akan dibangkitkan pada hari akhirat dengan memakai pakaian daripada tar. Ibn Kathir (2004) menghuraikan bahawa pakaian yang mereka kenakan terbuat daripada tar iaitu bahan yang digunakan untuk mengecat unta. Qatadah mengatakan, (قطران) itu adalah bahan yang paling lekat dengan api. Beliau turut mengambil pendapat daripada Ibn 'Abbas r.a yang mengatakan "Qathiran merupakan kekuningan yang meleleh" iaitu pakaian mereka dari kuningan yang panasnya telah mencapai puncak.

Kalimah sarābil dalam al-Qur'an jelas membincangkan aspek nikmat pakaian yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada manusia mengikut kesesuaian masa dan tempat. Dunia yang Allah s.w.t cipta mempunyai bermacam musim seperti musim bunga, salji, tengkujuh dan panas. Oleh yang demikian Allah s.w.t telah memberi pengetahuan kepada manusia yang digelar pereka fesyen untuk mencipta pakaian mengikut kesesuaian dan umat Islam perlu menggunakan nikmat ini dengan sebaiknya. Sebagaimana ahli tafsir menterjemah ayat-ayat ini, kurniaan pakaian ini mampu dijadikan sebagai sumber pendapatan bagi manusia seperti pereka fesyen. Pereka fesyen muslim hari ini perlu sedar bahawa kebolehan mencipta dan mereka pakaian adalah suatu kepakaran Allah s.w.t beri padanya dan persepsi mencipta pakaian menutup aurat wajib diterapkan dalam setiap idea untuk ditampilkan pada masyarakat Islam dan bukan Islam. Golongan awam pula perlu bijak memilih pakaian dan fesyen muslim yang sarat dengan ciri-ciri pakaian menutup aurat.

### **Khimār**

Al-Ṭabarī (2007) kalimah khimār dalam al-Qur'an hanya disebut dalam surah An-Nur (24:31) dan melalui ayat "Dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka". Al-Ṭabarī memberi penafsiran bahawa wanita muslimah hendaklah memanjangkan tudung hingga ke dada. Lafaz (خمر) merupakan bentuk jamak dari (خمار) yang membawa erti tudung yang menutupi rambut, leher dan anting-anting. Kemudian disambung dengan ayat "Dan janganlah menampakkan perhiasannya" maksudnya adalah perhiasan yang tidak zahir atau yang tersembunyi seperti gelang, anting-anting dan hal-hal yang diperintahkan untuk ditutupi oleh tudung. Kebenaran untuk menunjukkan segala macam itu hanyalah pada suami dan mahramnya sahaja.

Ibn Kathir (2004) turut memberi tafsiran terhadap potongan ayat tersebut dengan maksud kain tudung yang memanjang melebihi dada hingga dapat menutupi dada dan tulang dada. Aturan ini dibuat agar para wanita mukmin memiliki perbezaan yang jauh dengan wanita-wanita jahiliyyah, kerana wanita jahiliyyah itu kerap menampakkan dada dengan tidak menutupi apa-apa tudung dan kadang-kadang mereka sengaja menampakkan leher, jambul rambut dan anting-anting telinga mereka.

al-Zuhayli (1991) dalam membicarakan tafsiran ayat ini, beliau membahagikan aurat kepada empat kategori iaitu, pertama aurat lelaki dengan lelaki. Batasannya adalah antara pusat dan lutut. Tidak diharuskan mereka tidur bersama dalam keadaan mengiring antara keduanya (al-Mudaja'ah). Makruh pula bagi mereka untuk berpelukan (al-Mu'anaqah: melagakan tengkuk) melainkan dengan anak kandungnya. Adapun berjabat tangan (al-Musafahah) adalah diharuskan. Kedua, aurat perempuan dengan perempuan. Batasannya sama seperti aurat antara lelaki dengan lelaki iaitu pusat dan lutut. Tidak diharuskan juga tidur secara mengiring antara mereka seperti hukum sesama lelaki. Adapun jika bersama perempuan kafir, badan mereka tidak boleh didedahkan kecuali muka dan kedua tangan. Ketiga, aurat perempuan dengan lelaki. Sekiranya perempuan itu bukan mahramnya maka seluruh badannya aurat kecuali muka dan kedua tangannya. Lelaki tidak boleh memandangnya melainkan ada keperluan diharuskan syara' seperti jual beli, semasa pertunangan dan merawat pesakit. Adapun jika lelaki itu ialah mahramnya dengan sebab keturunan, susuan atau persemendaan (al-Musaharah) maka aurat perempuan itu di antara pusat dan lutut. Manakala jika perempuan itu sebagai isteri kepada lelaki tersebut, suaminya harus melihat seluruh badan dan kemaluan isterinya pula makruh dilihat. Keempat, aurat lelaki dengan perempuan. Jika lelaki itu bukan mahram, maka auratnya antara pusat dan lutut. Namun sekiranya lelaki itu sebagai suami kepada perempuan itu beliau boleh melihat seluruh badan suaminya dan makruh melihat kemaluan suaminya.

Dapat dirumuskan bahawa khimār dalam al-Qur'an adalah batas-batas aurat yang perlu diambil-berat oleh setiap individu muslim tidak mengira jantina. Fesyen hari ini semakin trendy sehingga melampaui batas syara' sungguhpun di gelar "pakaian muslim" namun dilihat sebaliknya dan lebih terjerumus kearah negatif. Sudah terang lagi bersuluh konsep tudung pada sisi wanita muslimah perlulah labuh hingga ke dada akan tetapi hakikatnya berlaku di seantero dunia konsep ini masih tidak mencapai matlamat sebagaimana telah disampaikan dalam al-Qur'an.

### **Kiswah**

Al-Qurtubī (2007) menyebut dalam kitabnya mengenai ayat Surah An-Nisa' (4:5) kiswah adalah perihal nafkah yang perlu diberi oleh seorang suami kepada isteri dan anak-anaknya. "Berilah mereka belanja dan pakaian kepada mereka" pendapat lain menyatakan bahawa diwajibkan atas suami memberi makan dan pakaian kepada isteri dan anaknya. Dalam ayat yang lain surah al-Maidah (5:89) "atau memberi pakaian kepada mereka", al-Qurtubī menyebut ini adalah untuk kaffarat bagi orang yang mengangkat sumpah palsu. Said bin Jubair dan Muhammad bin al-Sumaiqi al-Yamani membacanya (أو كإسوتهم) seperti pakaian isterimu. Dan pakaian yang menjadi hak seorang lelaki adalah pakaian yang menutupi seluruh anggota badan. Adapun pakaian yang menjadi hak seorang wanita adalah pakaian yang cukup untuk dibawa solat iaitu jubah atau kurung. Ini adalah hukum yang berlaku bagi anak-anak kecil. Dalam riwayat Abu al-Faraj dari Malik yang juga menjadi pendapat Ibrahim al-Nakha'I dan Mughirah disebutkan bahawa "sesuatu yang menutupi semua anggota badan, kerana solat tidak sah jika dilaksanakan dengan pakaian yang kurang daripada itu". Abu Hanifah dan sahabatnya berkata "pemberian pakaian untuk menebus kaffarat sumpah adalah satu baju, atau sarung atau selendang atau kemeja atau jilbab".

Ibn Kathir (2004) menyatakan bahawa Imam Syafi'e berkata: "Jika kepada masing-masing dari sepuluh orang miskin itu diberi pakaian, sesuatu yang dinamakan pakaian adalah berupa baju, atau celana panjang atau kain, atau serban atau kain penutup kepala (tudung), maka hal itu sudah cukup baginya." Manakala Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal (t:th) berkata: "Masing-masing mereka harus diberi kain yang sah jika dipergunakan untuk solat, baik itu lelaki-lelaki mahupun wanita yang sesuai dengan ukuran masing-masing.

Dalam konteks kalimah kiswah para mufassir berhujah bahawa ianya adalah nafkah pakaian dan jenis bagaimana pakaian itu perlu diberikan kepada isteri dan anak. Tambahan lagi, kiswah merujuk kepada kaffarat bagi mereka yang melanggar sumpah untuk memberi pakaian kepada golongan fakir. Kedua-dua perkara ini telah merujuk secara total kepada pakaian yang menutup aurat sepertimana disebutkan pakaian itu dapat menutup seluruh anggota badan seperti selimut. Sebaik-baik pakaian dan fesyen yang ingin disarungkan pada tubuh badan adalah pakaian yang mampu membawa kepada solat kerana manusia diciptakan di dunia hanyalah untuk beribadah kepada Allah s.w.t.

### **Qamiş**

Dalam penafsiran ini, al-Ṭabarī dan Ibn Kathir bersetuju dengan al-Qurtubī (2007) bahawa terdapat beberapa kalimah qamiş yang dibicarakan dalam surah Yusuf (12: 18, 25-28, 93). Pertama, melalui ayat yang ke-18 iaitu baju Nabi Yusuf a.s yang dibawa kepada Nabi Yaqub a.s dengan berlumuran darah palsu. Hal ini kerana saudara Nabi Yusuf a.s iri hati telah menjualnya kepada saudagar kemudian datang membawa baju yang dilumuri darah palsu dengan tujuan menyatakan bahawa Nabi Yusuf a.s telah dimakan oleh serigala. Kedua, qamiş yang diceritakan dalam ayat 26 hingga 28 tentang situasi Nabi Yusuf a.s telah digoda oleh Zulaika yang kemudiannya bajunya ditarik dari belakang sehingga koyak. Ketiga, qamiş dalam ayat ke-93 yang berfirman “Pergilah kamu dengan membawa bajuku ini, lalu letakkanlah dia ke wajah ayahku, nanti dia akan melihat kembali” ayat ini menyatakan Nabi Yusuf a.s mendapat pengetahuan dari Allah s.w.t bahawa bajunya mampu mengembalikan pandangan mata Nabi Yaqub a.s. Baju tersebut merupakan baju Nabi Ibrahim a.s yang terbuat dari sutera syurga yang dikenakan oleh Allah s.w.t kepada tubuh Nabi Ibrahim a.s saat dibakar api. Kemudiannya diwarisi Nabi Ishak a.s seterusnya Nabi Yaqub a.s. Suatu hari Nabi Yaqub a.s telah menyerahkan baju tersebut kepada Nabi Yusuf a.s ketika dia khuatir akan keselamatan anaknya dari difitnah. Namun, Nabi Yusuf a.s telah mendapat perintah dari Jibril a.s agar mengirim baju tersebut kerana baju itu menyimpan bau syurga dan bauan itu akan menyembuhkan orang yang sakit bila menciumnya. Namun, melalui pendapat yang lain ada yang mengatakan baju yang dikirimkan itu adalah bahagian belakang yang terkoyak, dengan demikian untuk memberi khabar kepada Nabi Yaqub a.s bahawa dia terhindar dari perbuatan zina bersama Zulaikha.

Qamiş dalam penceritaan kisah Nabi Yusuf a.s lebih kepada hikmah disebalik perkara yang berlaku. Dalam tafsiran ulama' masih tidak dijelas bagaimana struktur dan bentuk qamiş yang digambarkan dalam al-Qu'ran. Namun dalam pemerhatian pengkaji, qamiş adalah pakaian arab pada zaman Nabi dan Rasul yang boleh dimiripkan kepada kemeja, kurta ataupun jubah.

### **Jilbab**

Al-Qurtubī (2007) dalam surah al-Ahzab (33:59) memberi tafsiran ayat ini menghimpunkan beberapa perkara yang perlu diambil berat. Pertama, setelah memperhatikan bagaimana kebiasaan wanita Arab jahiliyah yang tidak memiliki rasa malu untuk mengenakan pakaian terbuka/seksi sehingga menimbulkan fikiran-fikiran yang negatif, maka Allah s.w.t menyuruh rasul-Nya untuk memerintahkan para wanita untuk memanjangkan penutupan kepala jika keluar dari rumah untuk sesuatu keperluan. Kedua, melalui firman “melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya”. Kata (الجلابيب) merupakan jama' dari kata (الجلباب) yang maknanya pakaian lebih besar dari sekadar tudung kepala. Diriwayatkan dari mufassir lain bahawa makna dari kata (الجلباب) adalah pakaian panjang (seperti kurung atau jubah). Ada juga yang meriwayatkan bahawa makna kata tersebut adalah penutup kepala yang juga menutupi wajah. Namun yang paling benar makna adalah pakaian yang menutup seluruh tubuh.



Ulama' berpendapat bahawa wanita harus melabuhkan pakaian dan tudung hingga tidak nampak dari tubuhnya. Menurut al-Firuzabadi (2008) Ibnu Abbas turut mengemukakan pendapat lain yang juga dikatakan oleh Qatadah, iaitu wanita itu harus membelit dan mengikat jilbabnya di atas kepala lalu dihubungkan lagi dihidungnya hingga ke matanya dapat terbuka, namun tetap menutupi sebahagian besar wajahnya dan lehernya hingga ke bawah. Sedangkan al-Hasan berpendapat bahawa jilbab itu harus dikenakan di kepala dan menutupi separuh dari wajahnya. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa jilbab merupakan dalil perintah Allah s.w.t kepada seluruh wanita untuk menutupi tubuhnya dengan pakaian yang panjang, dan pakaian yang dikenakan harus longgar hingga tidak memperlihatkan bentuk tubuh kecuali jika wanita itu sedang berada di rumah saja bersama suami.

## **FESYEN MASA KINI DALAM PERSPEKTIF ISLAM**

Abdul Rahman Bin Mohd Adil (2009) kepincangan dunia fesyen muslim sangat terkesan dengan ikutan semasa kerana sekitar 2010 sehingga 2017 telah muncul pelbagai jenama industri fesyen yang mencampurkan aspek Islam dengan pelbagai elemen lain. Rentetan dari munculnya pelbagai label fesyen itu mendatangkan polemik dikalangan masyarakat, ini kerana fesyen-fesyen yang terhasil boleh dikatakan sebagai suatu kewajipan syariat atau sekadar mengikut trend semasa. Ahmad Mustami (2015) pakaian pada waktu ini tidak hanya sekadar menutup aurat, bahkan sebagai fashion style yang menjadi lumrah menjangkiti umat Islam termasuklah aspek baju, seluar hatta tudung menghadapi inovasi yang pelbagai agar mampu menarik perhatian. Penginovasian yang berlaku perlulah menjaga norma, etika dan moral Islam agar sesuai dengan nilai-nilai pendidikan Islam. Antara ciri-ciri yang disebut oleh Syekh Imad Zaki al-Barudi (2007) menyebut dalam kitabnya Tafsir Wanita Dalam al-Qur'an bahawa syarat-syarat bagi aspek pemakaian wanita muslimah adalah seperti berikut:

**Pertama**, menutup seluruh badan. Syariat Islam telah menetapkan aurat wanita adalah seluruh anggota badannya kecuali muka dan tapak tangan. Manakala fesyennya terserah kepada muslimah sendiri bagi memilihnya mengikut adat kebiasaan dan iklim serta tahap suhu di negara masing-masing. Abdul Aziz 'Amr (2009) seperti di Malaysia biasanya berbaju kurung, kebaya atau kebarong ianya tidak mencatatkan fesyen sekiranya dilonggarkan, tidak nampak bentuk badan. Tudung di kepala merupakan pakaian wajib dipakai oleh setiap wanita yang beriman kepada Allah dan Rasul tanpa menampakkan walau sehelai rambut. Namun demikian seringkali kaum wanita menyalahgunakan tudung dan dijadikan sebagai fesyen. Rokiah Ahmad (2008) Tudung kadangkala dipakai tidak lengkap dengan hanya menjadikan pelengkap kepada fesyen yang diseragamkan dengan baju dan seluar yang ketat. Gaya terkini didapati tudung dikenakan dengan seluar jeans dan baju t-shirt yang sangat ketat tetapi dipakai tudung dirasakan lengkap. Tanpa disedari semuanya itu adalah memperolok-olokkan terhadap pemakaian tudung yang disyariatkan oleh Allah s.w.t.

**Kedua**, pakaian yang tidak mencolok mata. Pakaian yang tidak mencolok mata adalah pakaian yang tidak terlalu nipis hingga menampakkan bentuk tubuh. Allah s.w.t mewajibkan menutup aurat dengan pakaian yang tidak mensifati warna kulit, iaitu pakaian yang masih menampakkan warna kulit (misalnya dengan pakaian yang tipis) tidak dibolehkan, kerana hal itu mampu menimbulkan fitnah.

**Ketiga**, struktur kain. Abdul Rahman Abdullah (1999) struktur kain memainkan peranan penting dalam sebuah fesyen yang diketengahkan. Pereka dan pemakai fesyen seharusnya sedar dan tahu bagaimana garis pandu Islam dalam menitikberatkan soal pakaian. Antaranya dalam

lingkungan aspek ketebalan dan nipisnya sebuah kain, warnanya, coraknya, dan mudah menarik perhatian.

**Keempat**, tidak tasyabbuh (menyerupai). Tasyabbuh bermaksud tidak menyerupai sesuatu yang lain, penyerupaan yang dilarang dalam berfesyen adalah menyerupai pakaian lelaki/perempuan dan menyerupai pakaian bukan muslim. Jaafar Salleh (2006) fesyen pakaian bukan Islam yang sangat di tegah adalah ketat, jarang, mendedahkan aurat, berwarna-warni yang terang, labuh hingga meleret ke tanah, mempunyai gambar makhluk bernyawa serta himpunan tulisan memuja atau lucu.

**Kelima**, tidak sombong. Fesyen muslim tidak terlepas dari pakaian yang menjerumus kepada sombong atau "ujub". Ianya adalah bertujuan menunjuk-nunjuk bagi menarik perhatian dan mengharapkan pujian. Ibn al-Qayim berkata Nabi s.a.w memakai secara ringkas sahaja, kadang-kadang Baginda memakai pakaian daripada bulu, kapas, pakaian panas dari Yaman, pakaian panas berwarna hijau, jubah, pakaian luar dan baju (qamis). Lima aspek ini perlu diterapkan oleh setiap muslim dalam mengikuti fesyen semasa. Pakaian adalah nikmat serta ujian yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada hamba-Nya dan melalui pakaian jugalah manusia akan dinilai diakhirat kelak tentang auratnya.

## **PENUTUP**

Jelaslah melalui kajian ini bahawa al-Qur'an telah menyebut aspek pakaian dan fesyen. Tambahan lagi, melalui sorotan literatur yang telah dilakukan terhadap kajian yang hampir serupa, masih tidak banyak memperhebahkan dapatan kajian kepada tunggak utama dalam pembikinan pakaian iaitu pereka fesyen muslim khususnya di Malaysia. Oleh kerana itu, soal fesyen dan pakaian muslim di negara ini masih lagi di tahap yang sederhana walau lonjakan pelbagai jenama naik mendadak. Penting kajian tafsiran kalimah pakaian dalam al-Qur'an ini di analisa dan diteruskan penyelidikan terhadapnya untuk memberi garis panduan kepada pereka fesyen muslim, pengusaha butik dan pembeli bagi mengikut terma-terma Islam dan secara tidak langsung mengangkat industri fesyen muslim di Malaysia mencapai tahap yang cemerlang. Pengkaji dapat merumuskan bahawa pakaian dan fesyen yang perlu dijadikan ikutan asasnya adalah dalam aspek penutupan aurat dalam ibadah. Solat melatih peribadi muslim dari segi akhlaknya, ibadahnya dan 'ubudiyah-nya. Jika komited tentang solat pastinya tahu selok-belok tuntutan aurat, syarat pakaian dalam tuntutan syariah serta perkara yang lain. Jelaslah di sini dengan kepelbagaian kata makna pakaian dalam al-Qur'an menjelaskan kepada ummah bahawa fesyen itu pelbagai, Allah kurniakan bermacam jenis benda yang membolehkan manusia mencipta pakaian-pakaian yang indah dan cantik namun wajiblah keatas individu muslim sedar dalam memilih dan mengikut batas yang telah dilakarkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

## **RUJUKAN**

- Al-Barudi, 'Imad Zaki. 2007. *Tafsir Wanita Dalam Al-Qur'an*. Terj Jamaluddin Ibrahim Mydin. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Abdul Rahman Abdullah. 1999. *Islamic Dress Code For Women*. Riyadh: Darussalam Publishers & Distributors.
- Abdul Rahman Bin Mohd Adil. 2009. *13 Aurat Wanita*. Johor Bahru: Pustaka Ilmuan,
- Ahmad bin Hanbal. T.th. *Musnad Imam Ahmad*. Beirut: Tobaah Wa-Nashru.
- Ahmad Mustami. 2015. *Pendidikan Islam Dalam Peradaban Industri Fashion*. Jurnal UIN Sunan Kalijaga. Vol. 12, No. 1, Juni 2015: 165-182.

- Amr, Muhammad Abdul 'Aziz. 2009. *Al-Libās wa al-Zinah fi al-Syariat al-Islam*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Al-Firuzabadi, Muhammad ibn Ya'qub. 2008. *Tafsir Ibnu 'Abbas*. Terj Ubaidillah Saiful Akhyar. Bandung: Penerbitan Padi.
- Al-Qurtubī. 2007. *Tafsir al-Qurthubi*. Terj Fathurrahman, Ahmad Hotib & Nashirul Haq. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Ṭabarī, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir Ath-Thabari. 2007. *Tafsir Ath-Thabari*. Terj Ahsan Askan. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Alvi Alvavi. 2015. *Konsep Pemakaian menurut al-Qur'an (Analisis Semantik Kata Libas, Siyab dan Sarabil dalam al-Qur'an, Perspektif Toshihiko Izutsu)*. Tesis Institutional Repository Of Iain Tulungagung (Irit).
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1991. *Al-Tafsir Al-Munir fi Al-'Aqidah wa Al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ibn Kathir, Isma'il Ibn 'Umar. 2004. *Tafsir Ibn Katsir*. Terj M. Abdul Ghaffar, E.m Abu Ihsan al-Atsari. Bogor: Pustaka Imam al-Syafi'e.
- Ibrahim, Muhammad Isma'il. T.th. *Mu'jam Al-Alfaz wa Al-A'lam Al-Qur'aniyyah*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-'Arabiy.
- Ja'afar Salleh. 2006. *Batas-batas Aurat Dan Pergaulan serta Hukum Persolekan Dalam Islam*. Johor: Pustaka Azhar.
- Malaysia International Trade and Industry Report MITI (2011). "*Laporan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia*". Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. Selangor : Sasyaz Holding Sdn Bhd.
- Muhammad Ismail. 2007. *Hijab Memelihara Kesucian Wanita Muslimah*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Mustafa, Ibrahim. 1960. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Misr: Matba'ah al-Misr.
- Rokiah Ahmad. 2008. *Mengapa Aurat Haram Didedah? Satu Realiti Masa Kini*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd.
- Tirmidzi, Abu Isa Muhammad. T.th. *Sunan al-Tirmidzi*. Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmiyah.